



**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Galeria PjH, Aras 4-7, Jalan P4W  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03-8891 9000  
Faks : 03-8891 9300

Ruj. Kami : JPPKK.BIPD.100-1/1/3 ( 8 )  
Tarikh : 16 Mac 2020

**PENGARAH POLITEKNIK MALAYSIA  
PENGARAH KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA**

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP)  
BAGI PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA, PRA-DIPLOMA & SIJIL KHAS  
POLITEKNIK DAN PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA, SIJIL & SIJIL KHAS KOLEJ  
KOMUNITI SUSULAN PERKEMBANGAN SEMASA PENULARAN WABAK COVID-19**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan garis panduan tersebut untuk tindakan pihak YBrs. Dr/tuan/puan selanjutnya. Adalah dimaklumkan bahawa garis panduan ini dirangka merujuk kepada perkembangan terkini dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan saranan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berhubung dengan penularan wabak COVID-19.

3. Sehubungan itu, pihak YBrs. Dr/tuan/puan dimohon untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya berdasarkan garis panduan berkenaan.

Kerjasama daripada pihak YBrs. Dr/tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(Ts. Dr. MOHAMMAD NAIM BIN YAAKUB)**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi

## JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

---

### **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP) BAGI PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA, PRA-DIPLOMA & SIJIL KHAS POLITEKNIK DAN PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA, SIJIL & SIJIL KHAS KOLEJ KOMUNITI SUSULAN PERKEMBANGAN SEMASA PENULARAN WABAK COVID-19**

Garis panduan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran (PdP) ini dirangka berdasarkan kepada perkembangan terkini daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan hebahan rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertarikh 13 Mac 2020 berhubung dengan penularan wabak COVID-19. **Pelaksanaan garis panduan PdP ini berkuatkuasa mulai 16 Mac 2020 hingga 29 Mac 2020 di semua politeknik dan kolej komuniti bagi sesi pengajian Disember 2019 (rujuk Lampiran A).**

Pendekatan PdP yang dimaksudkan adalah terdiri daripada **tiga (3)** komponen iaitu **Pembelajaran Teori, Aktiviti Praktikal dan Projek Akhir Pelajar.**

#### **1.0 Pembelajaran Teori**

Semua aktiviti pembelajaran teori yang berlandaskan kurikulum terkini boleh dilaksanakan secara dalam talian. Ini termasuklah aktiviti kuliah secara bersemuka, tutorial, perbincangan secara berkumpulan, pembentangan dan lain-lain.

Kesemua aktiviti PdP seperti di atas boleh dilaksanakan melalui platform dalam talian seperti berikut:

##### **1.1 Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS)**

Contoh: *CIDOS 3.5 dan 2.5, Google Classroom, Edmodo, Schoology*

##### **1.2 Perkongsian Maklumat**

Contoh: *YouTube, Facebook, WhatsApp, Telegram*

##### **1.3 Kelas Maya**

Contoh: *Google Meet, Zoom, Microsoft Teams*

##### **1.4 Kuiz Interaktif**

Contoh: *EdPuzzle, PlayPosit, Hot Potatoes, Kahoot, Quizizz*

## 1.5 Perbincangan

Contoh: *Padlet, VoiceThread, Flipgrid*

Pensyarah dibenarkan untuk memilih mana-mana kombinasi yang sesuai untuk melengkapkan aktiviti PdP.

## 2.0 Aktiviti Praktikal

Pendekatan praktikal yang dimaksudkan adalah terdiri daripada **DUA (2)** komponen seperti berikut:

### 2.1 Teknologi berbentuk Fizikal

Contoh: Bengkel, Kerja Lapangan

Semua aktiviti praktikal seperti di atas yang masih perlu dilaksanakan boleh dikendalikan dalam kumpulan yang kecil secara bergilir. Walau bagaimanapun sekiranya hasil pembelajaran kursus telah tercapai dan keperluan penilaian berterusan telah dipenuhi, pihak institusi boleh membuat keputusan untuk tidak melaksanakan aktiviti praktikal tersebut.

### 2.2 Teknologi berasaskan Perisian

Contoh: Suntingan Video, Pengaturcaraan

Semua aktiviti praktikal yang menggunakan teknologi berasaskan perisian boleh dilaksanakan secara dalam talian. Aktiviti ini juga boleh digunakan bersama mana-mana teknologi yang tersenarai di **item 1.1 hingga 1.5**.

## 3.0 Projek Akhir Pelajar

Semua aktiviti projek akhir pelajar termasuk pembentangan projek akhir boleh dilaksanakan secara dalam talian. Aktiviti ini juga boleh digunakan bersama mana-mana teknologi yang tersenarai di **item 1.1 hingga 1.5**.

Perjumpaan secara bersemuka dipertimbangkan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak bagi melengkapkan penilaian projek akhir pelajar.

JPPKK ingin mengingatkan bahawa penjagaan kesihatan diri yang baik perlu diamalkan oleh semua pihak pada setiap masa dan mematuhi sepenuhnya *Standard Operating Procedure (SOP)* pengawalan penularan jangkitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh KKM. Sekiranya mengalami gejala jangkitan, diminta untuk menghubungi Pejabat Kesihatan yang berhampiran atau Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis (CPRC) Kebangsaan. Perkembangan terkini jangkitan COVID-19 boleh diperolehi melalui laman web rasmi KKM.

\* **NOTA PENTING:**

1. Kehadiran pelajar untuk sesi Disember 2019 perlu dikira untuk 12 minggu PdP sahaja berakhir pada **13hb Mac 2020**.
2. Jawatankuasa Petugas COVID-19 JPPKK telah diwujudkan dan akan diselaraskan maklumat penuh tentang COVID-19 di Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.

Sebarang pertanyaan, boleh di kemukakan kepada:

***Pembelajaran Digital:***

Dr. Zainal Azhar Zainal Abidin (Politeknik Malaysia)  
Dr. Syafizwan Nizam Bin Mohd Faroque (Kolej Komuniti)  
Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital  
No Tel: 03-88882449

***Instruksional:***

Dr. Siti Noridah Binti Ali (Projek Pelajar dan Praktikal)  
En Annas Bin Alamshah ((Projek Pelajar dan Praktikal)  
Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital  
No Tel: 03-88891230

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi  
16 Mac 2020

## RINGKASAN KALENDAR AKADEMIK

### Program Pengajian Diploma, Pra Diploma Dan Sijil Khas Politeknik (Sesi Dis 2019)

Tarikh	Aktiviti	Catatan
16 Mac 2020 – 29 Mac 2020	Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)	BIPD
16 Mac 2020 – 10 Apr 2020	Pemantauan LI dan WBL	BIPD
06 April – 05 Jun 2020	Pemantauan LI ( <i>kumpulan pelajar penilaian khas</i> )	
27 Apr 2020 – 10 Mei 2020	Penilaian LI	BPN/BIPD
22 Jun 2020 – 03 Julai 2020	Penilaian LI ( <i>kumpulan pelajar penilaian khas</i> )	
30 Mac 2020 – 05 Apr 2020	Minggu Ulang Kaji	-
06 Apr 2020 – 26 Apr 2020	Peperiksaan Akhir Semester	BPN

### Program Pengajian Diploma, Sijil dan Sijil Khas Kolej Komuniti (Sesi Dis 2019)

Tarikh	Aktiviti	Catatan
16 Mac 2020 – 29 Mac 2020	Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)	BIPD
16 Mac 2020 – 29 Mac 2020	Pemantauan LI	BIPD
29 Mac 2020 – 11 Apr 2020	Pentaksiran	BPN